

Headline	PEKERJA KREATIF PENCETUS INOVASI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 May 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	583 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,523
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,568



SEMPENA SAMBUTAN HARI PEKERJA HARI INI

PEKERJA KREATIF PENCETUS INOVASI



NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED

TEMA sambutan Hari Pekerja peringkat kebangsaan tahun ini ialah "Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi" yang dengan jelas menterjemahkan hasrat kerajaan dan negara untuk melahirkan kelompok pekerja tempatan yang memiliki budaya pemikiran dan cara kerja kreatif supaya idea dan inovasi yang bakal dicipta boleh melestarikan pembangunan negara dan menzahirkan ke sejahteraan rakyat secara keseluruhannya.

Tarikh 1 Mei pada setiap tahun diisytiharkan sebagai hari cuti umum di negara ini sebagai pengiktirafan tertinggi kerajaan terhadap seluruh warga pekerja sama ada pekerja awam maupun swasta. Hari Pekerja, Hari Buruh ataupun juga disebut Hari Pekerja Antarabangsa di peringkat global di mana masyarakat dunia meraih dan mengiktiraf sumbangan pekerja serta kejayaan ekonomi dan sosial bagi pergerakan maupun kesatuan sekerja. Kebiasaan sambutan Hari Pekerja di Malaysia akan dimeriahkan dengan perhimpunan dan perarakan secara besar-besaran dari pelbagai golongan pekerja mewakili organisasi masing-masing.

Di pihak kerajaan sambutan Hari Pekerja ini sering diterjemahkan sebagai wadah untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan golongan pekerja dan majikan terhadap pembangunan negara secara keseluruhannya. Untuk itu, Kementerian Sumber Manusia misalnya menyediakan pelbagai kategori anugerah sebagai pengiktirafan antaranya, Anugerah Perdana Menteri untuk kecemerlangan sumber manusia, Tokoh Pekerja Negara bagi kategori kumpulan eksekutif, kumpulan bukan eksekutif dan juga kategori OKU.

Para majikan juga diberi pengiktirafan sewajarnya melalui beberapa anugerah seperti,



SETIAP organisasi mengharapkan pekerjaanya sentiasa berfikiran kreatif bagi menghasilkan pelbagai idea dan inovasi baharu. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Anugerah Majikan 1Malaysia bagi kategori syarikat besar, perusahaan kecil dan sederhana serta GLC di samping anugerah lain seperti Anugerah Majikan Berdaya Saing Glokal. Malah kesatuan sekerja yang sering menjadi payung naungan seluruh warga pekerja juga diberi pengiktirafan melalui Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang dan Harmoni bagi kategori sektor awam dan juga sektor swasta. Ringkasnya, sambutan Hari Pekerja diadakan dengan matlamat untuk mengeratkan kerjasama dan permuafakatan secara 'tripartisme' antara tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan juga pekerja.

Hakikatnya matlamat untuk menjadikan negara maju berpendapat tinggi tidak mampu dicapai andai tanggungjawab itu disandarkan kepada kerajaan semata-mata. Dalam hal ini, ketiga-tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan juga pekerja perlu bekerjasama supaya dapat merealisasikan hasrat tersebut. Jelas kerajaan berusaha keras untuk menjayakannya termasuk dengan memelihara dan memtabatkan kebijakan dan kehendak pekerja serta majikan. Pelbagai program transformasi kerajaan juga dirangka bagi mencapai impian

tersebut. Maka apa yang diharapkan selanjutnya adalah pemerkasaan peranan dan sumbangan majikan serta pekerja itu sendiri.

Sebagai pemain utama dalam hal ini pekerja terutamanya perlu menghayati tema sambutan Hari Pekerja tahun ini sebaik mungkin. Perkara ini penting kerana pada hari ini inovasi dan penemuan baharu bukan lagi satu pilihan sebaliknya semakin menjadi tuntutan dalam memacu kecemerlangan sesebuah organisasi maupun negara. Tanpa inovasi organisasi akan semakin ketinggalan, berbanding pesaing dalam industri masing-masing.

Maka setiap organisasi mengharapkan agar pekerjaanya sentiasa berfikiran kreatif dan menerapkan budaya kerja kreatif agar dapat menghasilkan pelbagai idea dan inovasi baharu bagi meneruskan kecemerlangan masing-masing. Dan kita percaya andai semua pekerja di negara ini baik penjawat awam maupun swasta jika mampu berfikir di luar kotak hasilnya kelak pasti akan memberi impak yang sangat positif kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

Pemikiran dan cara kerja yang kreatif sebenarnya mampu memberikan pulangan dan impak yang

sangat signifikan kepada pekerja, organisasi, masyarakat dan juga negara. Bagi golongan pekerja misalnya, kejayaan mencipta sesuatu inovasi membolehkan mereka meraih pelbagai ganjaran dan anugerah baik di peringkat organisasi, kebangsaan maupun antarabangsa di samping dapat meningkatkan kemajuan laluan kerjaya masing-masing.

Misalnya, bagi penjawat awam pihak kerajaan memberi pengiktirafan yang tertinggi melalui Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) yang adalah anugerah terunggul dan berprestij bagi mengiktiraf penghasilan inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi kepada negara. Malah ada juga yang menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa seperti Majlis Perbandaran Sepang yang memenangi pingat emas di Pameran Reka Cipta Antarabangsa Geneva 2017 hasil daripada inovasi Aedes Bio Based Fuel (ABBFI) yang telah dihasilkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Di samping itu penciptaan pelbagai inovasi sudah semestinya mampu memacu kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Ringkasnya kehebatan pekerja dalam sektor masing-masing mampu mempercepatkan impian kita untuk menjadi negara maju berpendapat tinggi serta menjayakan misi Transformasi Nasional 2050 (TN50). Kita juga percaya inovasi yang dicipta akan membantu meningkat ekonomi dan taraf hidup rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Justeru warga pekerja dan majikan perlu memperkaskan sinergi perhubungan dan sumbangan dengan kerajaan demi memastikan program transformasi yang dicipta khusus untuk menuju status negara maju sentiasa berada di lansaran dan platform yang betul dan tepat melalui pemikiran yang kreatif dan cetusan pelbagai inovasi yang memberangsangkan. Selamat Menyambut Hari Pekerja.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.